

**SHARIAH WHIPPING PUNISHMENT IN THE STATE OF JOHOR: AN ANALYSIS FROM THE LEGAL PROVISIONS**

**HUKUMAN SEBAT SYARIAH DI NEGERI JOHOR: ANALISIS DARI SUDUT PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

Mohd Rafi Mohd Sanusi<sup>i</sup>, Syahrulnizam Saat<sup>ii</sup> & Nasrul Hisyam Nor Muhamad<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Sarjana Falsafah, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (Akademi Tamadun Islam), Universiti Teknologi Malaysia. mohdrafi@graduate.utm.my

<sup>ii</sup> Pelajar Sarjana Falsafah, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (Akademi Tamadun Islam), Universiti Teknologi Malaysia. syahrulnizamsaat@graduate.utm.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (Akademi Tamadun Islam), Universiti Teknologi Malaysia. nasrul@utm.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Whipping is among the punishments imposed for prescribed offenses. In terms of its implementation, syariah whipping has already been implemented in each state based on the syariah law of the state. This article describes the historical background of syariah whipping in Islamic law in the State of Johor as well as analyzing the provisions of syariah whipping law in the state of Johor. This study is qualitative in nature. Data were obtained through library research methods and interviews with syarie judges of the state of Johor as well as references to cases that have been decided by the relevant courts. The results of the study found that whipping in Islam has its own concept and philosophy. In the context of the state of Johor, whipping has already been implemented based on the historical background and legal provisions available in the state.</i></p> <p>Keywords: <i>Legal, Punishments, Shariah, Whipping, Johor.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Hukuman sebat adalah antara hukuman yang dikenakan bagi kesalahan yang ditetapkan. Dari sudut pelaksanaannya, hukuman sebat syariah telah pun dilaksanakan di setiap negeri-negeri berdasarkan undang-undang syariah negeri tersebut. Artikel ini menerangkan latar belakang sejarah hukuman sebat syariah dalam perundangan Islam di Negeri Johor serta menganalisis peruntukan undang-undang hukuman sebat syariah di Negeri Johor. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Data diperolehi menerusi kaedah kajian kepustakaan dan temubual bersama seorang Hakim Syarie Negeri Johor serta rujukan kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa hukuman sebat dalam Islam mempunyai konsep dan falsafah yang tersendiri serta terdapatnya peruntukkan berkenaan hukuman sebat syarie di Negeri Johor. Dalam konteks Negeri Johor, hukuman sebat telah pun dilaksanakan berdasarkan latar belakang sejarah dan peruntukan undang-undang yang terdapat di negeri ini.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Undang-Undang, hukuman, Syariah, Sebat, Johor.</i></p>

**PENDAHULUAN**

Hukuman sebat syariah adalah suatu bentuk hukuman bagi kesalahan-kesalahan tertentu yang wujud dalam perundangan Islam di Malaysia (Siti Zubaidah Ismail, 2004). Di negeri

Johor peruntukkan ini jelas terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 pada kesalahan tertentu. Tujuan pelaksanaan hukuman ini tidak lain adalah untuk memberi peringatan kepada pesalah agar tidak mengulangi kesalahan tersebut dan pengajaran kepada orang ramai agar gerun untuk membuat kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang dan hukum syarak. Meskipun tujuan pelaksanaan hukuman ini mampu untuk menghindari masyarakat dari melakukan perbuatan yang keji dan hina ini, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang menganggap hukuman sebat ini suatu hukuman yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Dalam artikel ini, penulis ingin menjelaskan kepada pengamal undang-undang, pegawai-pegawai Mahkamah dan Jabatan Agama serta masyarakat awam di Negeri Johor mengenai konsep sebenar hukuman sebat mengikut syarak dan menerangkan mengenai latar belakang sejarah serta peruntukan undang-undang mengenai hukuman sebat seterusnya menganalisis peruntukan undang-undang berkaitan hukuman sebat di Negeri Johor.

### KONSEP SEBAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Mengikut Al-Munjid Perkataan sebat adalah di ambil daripada terjemahan dari perkataan dalam bahasa arab iaitu *Al-Jald* yang perkataan asalnya ialah *al-jild* iaitu membawa maksud kulit. Dari segi bahasa seperti mengikut kamus DBP (2017) sebat didefinisikan sebagai pukul dengan menggunakan rotan dan lain-lain. Ianya juga boleh diertikan sebagai suatu hukuman dengan cara menyebat atau memukul dengan menggunakan benda yang halus dan lentur seperti rotan, lidi dan lain-lain.

Selain itu itu juga, sebat merupakan suatu hukuman dengan cara merotan yang telah disabitkan bersalah dengan sesuatu kesalahan dan orang yang bersalah itu bukan sahaja boleh dipenjarakan, tetapi juga boleh disebat. Selain itu juga sebat juga boleh dimaksudkan sebagai mengambil sesuatu tanpa kebenaran, mencuri, menye-robot barang-barang kemasnya seperti (habis di-sebat pencuri). Secara umumnya perkataan sebat ialah perlakuan sebatan dengan pukulan.

Perkataan sebat adalah jelas dalam Al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW seperti mana yang diperuntukan kepada mereka yang melakukan kesalahan berzina dan *qazaft* (tuduhan melakukan zina) manakala bagi kesalahan minum arak dijelaskan dalam hadith Nabi Muhammad SAW dan perintah bagi pengharaman untuk minum arak terdapat dalam Al-Quran. Hukuman bagi tiap-tiap kesalahan tersebut adalah tetap dan tiada khilaf di kalangan para ulama' mengenainya.

Perkataan sebat ini terdapat dalam petikan ayat Al-Quran dan hadith yang menggunakan kata asalnya dalam bahasa arab iaitu *jalid* yang membawa maksud pukulan atau deraan iaitu suatu bentuk hukuman di badan pesalah yang telah melakukan kesalahan seperti zina, *qazaft* dan minum arak. Bagi kesalahan zina hukuman yang telah ditetapkan seperti mana dalam firmannya dalam surah Al-Nur ayat 2 yang berbunyi:

﴿الرَّائِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ﴾

Maksudnya: "Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali pukulan, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya daripada mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman" (al-Quran. al-Nur: 2).

Mengikut Fakhruddin Qobawah (2003) tafsiran daripada ayat tersebut ialah, perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina ialah kedua-duanya bukan muhsan atau orang yang terpelihara dari berzina disebabkan telah kawin. Hukuman atau *hadd* bagi pelaku zina muhsan adalah rejam, menurut keterangan dari Sunnah. Manakala Huruf "Al"

dalam ayat ini iaitu الرَّانِي yang memasuki kedua lafaz ini adalah “Al” *Mausulah* iaitu sebagai *Mubtada'*, kedudukan *Mubtada'* di sini hampir sama dengan hukum syarat, maka khabarnya kemasukan huruf “Fa”, sebagaimana yang disebutkan dalam ayat berikutnya, iaitu فَاجْلِدُوا (maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya itu seratus kali dera) yakni sebanyak seratus kali pukulan. Perkataan *Jaladahu* ialah memukul kulit seseorang, maka maksud yang dimaksudkan daripada perkataan itu adalah mendera.

Perkataan sebat atau *al-jald* ini juga terdapat dalam surah An-Nur ayat ke 4 iaitu bagi mereka yang melakukan kesalahan *Qazaft* (menuduh seseorang perempuan itu berzina). Ayat ini juga memerintah supaya bagi sesiapa yang menuduh seseorang perempuan yang suci itu berzina maka deralah mereka sebanyak 80 kali deraan (Fakhrudin Qobawah, 2003). Firman Allah SWT yang berbunyi:

﴿وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik itu melakukan perbuatan zina kemudian mereka yang menuduh itu tidak dapat mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) 80 puluh kali deraan, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya dan mereka itulah orang-orang yang fasik” (al-Quran. al-Nur: 4).

Selain daripada perkataan sebat *Al-jald*, dalam Al-Quran terdapat juga perkataan pukul atau *Al-darb* yang membawa maksud pukulan ke atas fizikal seseorang bagi kesalahan-kesalahan isteri yang nusyuz kepada suami dan ayat tersebut menerangkan salah satu bentuk hukuman kepada isteri yang berbentuk pukulan ke atas fizikal yang tidak terlalu keras dan tidak mencederakan apabila nasihat suami tidak didengari dan suami telah memisahkan tempat tidur namun isteri tetap tidak mengikut kehendak suami maka pukulan dibenarkan supaya mereka taat kepada suami (Fakhrudin Qobawah, 2003). Seperti mana dalam firmanNya dalam surah An-Nur ayat 4 yang berbunyi:

﴿وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ۗ﴾

Yang bermaksud: “Wanita-wanita yang kamu risaukan akan berlaku nusyuz, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka dari tempat tidur mereka, dan pukullah mereka” (al-Quran. al-Nur: 4).

Dalam hadith Nabi Muhammad SAW terdapat keharusan dalam memberikan hukuman sebat rotan ini kepada kanak-kanak apabila mereka tidak melaksanakan solat sepertimana berikut:

{ قال: عَلِّقُوا السَّوْطَ حَيْثُ يَرَاهُ أَهْلُ الْبَيْتِ، فَإِنَّهُ لَهُمْ أَدَبٌ }

Yang bermaksud: “Gantungkanlah rotan sehingga rotan itu dapat dilihat oleh ahli keluarga, sesungguhnya itu boleh mendidik mereka” (Hadis. Al-Tabaraniyy. Bab ‘Aliyy Bin ‘Abdullah Bin ‘Abbas ‘An Abihi. No. 10671).

Berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW ini, dapat difahami bahawa Nabi Muhammad SAW mengharuskan para ibu bapa memberi hukuman sebat kepada anak-anak dengan tujuan untuk mendidik dan menjadikan mereka supaya berakhlak dan mempunyai adab kepada orang lain. Ini menunjukkan bahawa dengan memberi hukuman sebat rotan kepada anak-anak dengan niat untuk mendidik akan menjadikan mereka lebih berakhlak mulia dan beradab, kerana kesan hukuman itu akan memberi pengajaran kepada mereka supaya tidak mengulangi lagi perkara yang mereka lakukan itu. Sepertimana dalam hadith Muhammad SAW yang mengharuskan untuk memukul atau merotan anak apabila mereka tidak mendirikan solat seperti berikut;

{ قال : مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِ }

*Yang bermaksud: Perintahlah anak-anakmu solat ketika berusia 7 tahun, dan pukullah mereka ketika berusia 10 tahun serta pisahkanlah tempat tidur mereka (Hadis. Sunan Abi Dawud Kitab Al-Solat. Bab Fi Al-Had Yushfa Fih. No. 495).*

Berdasarkan hadith tersebut apa yang dapat difahami ialah telah menjadi kewajipan kepada ibu bapa dan penjaga untuk memerintahkan anak-anak menunaikan solat sejak umur tujuh tahun. Perintah tersebut mestilah dimulai dengan mengajar mereka hukum-hukum, amalan-amalan dan syarat-syarat dalam membiasakan mereka mendirikan solat dengan sempurna. Ibu bapa hendaklah mengajar anak-anak supaya beradab ketika menunaikan solat. Jika mereka mengabaikan atau meninggalkan solat ketika berumur sepuluh tahun, maka pukullah mereka sebagai pengajaran. Ibu bapa juga dituntut untuk mengajar dan memberi kefahaman kepada anak-anak sejak kecil mengenai batasan aurat antara lelaki dan perempuan. Termasuk juga memisahkan tempat tidur mereka sejak mereka berumur tujuh tahun sebagai tanda kehormatan dan adab sebelum mereka meningkat remaja.

#### **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi memastikan dapatan kajian melalui analisis enakmen kesalahan jenayah syariah 1997 ini dibuat secara tepat dan komprehensif dimana penulis akan menggunakan data daripada sumber-sumber bacaan yang mengandungi perkara yang berkaitan dengan undang-undang, peraturan mahupun garis panduan berikutan isu hukuman sebat terhadap pesalah di Mahkamah Syariah. Ia juga berdasarkan kepada pembacaan menerusi kitab-kitab *fiqh*, ayat-ayat al-quran, hadith-hadith, jurnal-jurnal dan beberapa artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data yang diperolehi daripada bahan-bahan bacaan ini akan dikumpulkan dengan cara mengekodkan perkataan-perkataan yang penting untuk pembinaan tema.

Pengumpulan data dan maklumat daripada analisis dokumen tersebut membolehkan penulis membandingkan, menambah serta memperkukuhkan lagi data yang diperolehi daripada hasil temu bual yang dilakukan terhadap responden. Oleh yang demikian, data ini sangat penting supaya penulis boleh membuat pilihan dalam membuktikan sesuatu pernyataan dan melengkapkan lagi data-data yang diperolehi daripada sumber-sumber yang lain dengan cara temubual mendalam separa berstruktur.

Penulis menemubual hakim Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru untuk mengambil pandangan mereka terhadap hukuman sebat dalam undang-undang Negeri Johor. Kaedah temubual separa berstruktur ini digunakan ke atas seorang individu yang signifikan dalam bidang perundangan dalam Negeri Johor yang terdiri daripada pegawai Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, Johor iaitu Yang Arif Tuan Haji Sharifuddin Bin Abdul Rahman, Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

#### **LATAR BELAKANG SEJARAH UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI NEGERI JOHOR**

Hukuman sebat kepada pesalah adalah salah satu bentuk hukuman yang telah dilaksanakan dalam pelbagai tamadun sejak dahulu lagi. Sejak 1400 tahun dahulu lagi hukuman sebat ini telah wujud dalam perundang Islam di tanah melayu terutamanya bagi pesalah yang melakukan kesalahan berzina dan minum arak (Siti Zubaidah, 2004). Bukti kewujudan hukuman sebat telah wujud di tanah melayu adalah seperti yang tertulis di batu bersurat Terengganu pada tarikh 22hb Febuari 1303 bersamaan 14hb Rejab 702H berkenaan hukuman terhadap pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan zina. Seperti mana yang dapat difahami dalam tulisan tersebut ialah:

“Orang berbuat bala cara laki-laki perempuan satitah Dewata Maha Raya jika merdeka bujang palu seratos rotan. Jika merdeka beristeri atau perempuan bersuami ditanam hinggak pinggang dihambalang dengan batu matikan” (Siti Zubaidah, 2004).

Berdasarkan tulisan tersebut hukuman sebat memang telah wujud bagi mereka yang melakukan kesalahan berzina iaitu mereka akan dihukum 100 kali sebatan jika mereka bujang dan sekiranya mereka telah berkahwin mereka akan direjam sehingga mati dengan menggunakan batu. Batu bersurat ini juga menunjukkan bahawa Undang-undang jenayah pada ketika itu sudah dilaksanakan bermula daripada pemerintahan Sultan Umar (1837) apabila baginda telah melaksanakan beberapa bentuk hukuman kepada pesalah seperti rejam dan potong tangan bagi kesalahan hudud (Zanariah Dinon, 2004).

Perkembangan undang-undang jenayah Islam ini pada awalnya sekitar kurun ke 14 hingga kurun ke-15 di ambil daripada hukum kanun Melaka kerana pada ketika itu ajaran, pentadbiran dan undang-undang Islam telah menjadi dasar dan asas di tanah melayu sebelum kedatangan Inggeris ke tanah melayu lagi. Hukum kanun Melaka adalah berasaskan undang-undang Islam, undang-undang adat dan hukum akal. Penggubalan dan pengumpulan hukum kanun melaka ini adalah bermula daripada zaman Sultan Muhammad Shah (1424-1444M) dan kemudiannya dilengkapkan pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445-1458M) iaitu pada era kegemilangan kesultanan melayu Melaka. Hukum kanun Melaka ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hukum adat dan hukum syarak.

Dalam hukum syarak pula terdapat empat peruntukan yang meliputi undang-undang perkahwinan Islam, undang-undang muamalah Islam, undang-undang keterangan Islam dan undang-undang jenayah Islam (Hamid Jusoh, 2007). Hukum kanun Melaka ini merupakan hasil penelitian dan rujukan daripada sebuah teks Abu Shuja' dan Fath Al-Qarib oleh Ibnu Qasim Al-Ghazzi. Dalam undang-undang ini terdapat beberapa bahagian iaitu terdiri daripada undang-undang Melaka Asal, undang-undang laut, Undang-undang keluarga Islam, Undang-undang jual beli dan acara Islam, undang-undang Negeri dan Undang-undang Johor (Mohamed Azam Mohamed Ali, 2000).

Mengikut Hamid Jusoh (2007) antara peruntukan yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam ini ialah merangkumi semua hukuman yang terdapat dalam Islam iaitu kesalahan yang membawa hukuman hudud, qisas dan takzir seperti mana jadual berikut:

#### **Hukum Kanun Melaka (Undang-Undang Jenayah Islam)**

Bil	Fasal	Hukuman
1	40	Menyentuh tentang kesalahan zina, mereka yang dihukum kerana berzina dan bentuk hukuman ke atas penzina muhsan dan bukan muhsan. Hukuman yang dikenakan adalah seperti yang terdapat dalam undang-undang Islam sebenar iaitu direjam dengan batu hingga mati bagi penzina muhsan dan di sebat seratus kali seterusnya dibuang negeri bagi mereka yang bukan muhsan.
2	41	Tentang kesalahan membuat tuduhan palsu atau qazaf. Mereka yang didapati bersalah akan dihukum dengan 80 kali sebat bagi yang merdeka dan 40 kali untuk golongan hamba.
3	42	Kesalahan minum arak dengan hukuman 40 kali sebatan untuk pesalah merdeka dan 20 kali untuk hamba.

Jadual 1 : Hukum Kanun Melaka (Undang-Undang Jenayah Islam) Berkaitan Kesalahan Yang Membawa Hukuman Hudud, Qisas Dan Takzir

Ini dibuktikan dengan satu kes yang telah diputuskan oleh Hakim *Braddle C.J.C* dalam tuntutan harta dalam kes *Shaikh Abdul Latif dan lain-lain lwn Shaikh Elias Bux* yang mana Undang-undang yang digunapakai oleh oleh melayu sebelum kedatang British ialah

Undang-undang Islam yang bersesuaian dengan adat tempatan (Zanariah Dinon, 2004). Ini telah terbukti dalam kes Ramah vs Laton [1927] 6 FMSLR 128, dalam keputusan di Mahkamah Agong menyatakan bahawa undang-undang Islam bukan merupakan undang-undang asing di negeri-negeri Melayu akan tetapi ia adalah undang-undang tempatan dan undang-undang tempatan adalah perkara yang perlu diberikan pengiktirafan kehakiman oleh Mahkamah. Selain itu, adat Melayu juga diserap masuk sebagai sebahagian daripada undang-undang yang dipakai (Rusnadewi Abdul Rashid, 1997).

Di negeri Johor antara undang-undang jenayah Islam yang paling awal digunakan ialah Undang-undang Johor (Zaini Nasohah, 2004). Undang-undang yang digunakan di Johor (termasuk Singapura) diambil secara langsung daripada undang-undang Melaka. Ini terbukti melalui kandungan serta susunan fasal-fasalnya yang mempunyai persamaan dengan undang-undang Melaka. Meskipun hanya mengandungi 19 fasal, namun kandungan peruntukannya meliputi apa yang diperuntukkan dalam undang-undang Melaka.

Undang-undang Johor mengandungi peruntukan yang meliputi bidang jenayah, kekeluargaan, muamalat, keterangan serta acara dalam perbicaraan kes. Dalam beberapa peruntukan, berlaku sedikit perbezaan antara undang-undang Johor dengan undang-undang Melaka. Dalam peruntukan tentang hukuman qisas misalnya, undang-undang Johor telah menguatkan hukum yang ditetapkan itu dengan membawakan dalilnya iaitu adapun pada hukum Allah yang membunuh dibunuh hukumnya kerana Allah Taala hak segala manusia itu amat besar atas negeri seperti firman Allah Taala dalam surah al-Isra' ayat ke-33:

﴿وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ﴾

Yang bermaksud : *"Jangan kamu membunuh segala yang bernyawa itu diharamkan Allah melainkan dengan sebenarnya juga itulah qanun namanya"*. (al-Quran. Al-Isra': 33)

Walaupun bagaimanapun, pemakaian undang-undang Johor ini kemudiannya dipercayai telah ditinggalkan apabila tergubalnya Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor pada 14hb April 1895 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar. Pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim Negeri Johor telah menjalinkan hubungan dengan Kerajaan Othmaniyyah dan kebanyakan Undang-undang di Negeri Johor adalah hasil daripada hubungan yang baik antara Kerajaan Johor di Asia Tenggara dengan Kerajaan Othmaniyyah di Turki bermula tahun 1895 iaitu di zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar (Abd Jalil Borham, 2014).

Perkembangan perundangan Islam di Turki bermula bersinar sekitar kurun ke-19 semasa pemerintahan kerajaan 'Uthmaniah di bawah Sultan Mahmud II. Golongan Ulama' pada ketika itu telah ditugaskan untuk menyusun undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang mal dan kehakiman dan hasil daripada penyusunan hukum-hukum atau "Civil Code" itu wujudnya satu kod yang telah disahkan oleh Sultan Mahmud II dan diberi nama "Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah". Undang-undang dalam Majallah ini diambil secara keseluruhannya dari kitab "Zahir Al-Riwayah" (Abd Jalil Borham, 2002).

Pada tahun 1913 semasa pemerintahan Sultan Ibrahim kod tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan diberi nama "Majallah Ahkam Johor" serta dijadikan panduan rasmi berkenaan dengan hukum syarak di Negeri Johor pada ketika itu. Pada ketika itu "Majallah Ahkam Johor" tidak bersandarkan undang-undang Melaka lagi sebaliknya merujuk terus kepada "Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah" yang dibuat oleh Kerajaan Islam Uthmaniyyah di Turki.

Menurut Zaini Nasohah (2004), pelaksanaan undang-undang Islam di negeri Johor juga terkesan akibat daripada penjajahan Inggeris kerana pada ketika itu tanah Melayu telah dijajah selama lebih kurang 500 tahun oleh Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Penjajah-penjajah tersebut telah memperkenalkan undang-undang masing-masing namun, hanya penjajah Inggeris sahaja yang jelas meninggalkan kesan yang besar kepada sistem perundangan di Negeri ini. Bagi negeri Johor, ia telah berada di bawah pengaruh

Inggeris sejak sekian lama sejak sebelum menerima penasihat dalam tahun 1914. Hal ini disebabkan kedudukan Johor yang berada bersebelahan dengan Singapura. Johor telah mempunyai perlembagaannya sendiri pada tahun 1895 dan apabila negeri Johor menerima seorang penasihat Inggeris pada tahun 1914, disana telah ada sebuah sistem pentadbiran yang cekap dan merupakan sebuah negeri yang berdaulat. Antara isi perjanjian yang dibuat oleh Sultan Johor dengan Inggeris ialah:

*“Sultan bagi negeri di wilayah Johor akan menerima dan mengadakan tempat kediaman yang sesuai bagi seorang pegawai Inggeris yang akan dipanggil ‘penasihat umum’. Ia hendaklah ditauliahkan ke istananya dan tinggal dalam negeri dan wilayah Johor dan nasihatnya mestilah diminta serta diikuti dalam semua perkara yang menyentuh pentadbiran am negeri selain daripada yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat Melayu”*(Zaini Nasohah, 2004).

Beberapa tahun sebelum Tanah Persekutuan Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 terdapat dua peristiwa penting iaitu penubuhan Suruhanjaya Reid untuk mendraf Perlembagaan Persekutuan dan kedua bagi pengkanunan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak negeri Selangor. Enakmen ini telah menjadi model bagi semua negeri-negeri di Malaysia dalam melaksanakan perundangan Islam. Enakmen ini mempunyai 180 seksyen yang menyentuh mengenai penubuhan Majlis Agama Islam, perlantikan jawatan Mufti, Jawatankuasa Fatwa, undang-undang Islam berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian, nafkah, penjagaan anak, keterangan, prosuder jenayah dan sivil, perwarisan, pembahagian harta sepencarian, wakaf dan nazar, zakat fitrah dan baitulmal, pengurusan masjid, pemelukan agama Islam, wasiat dan beberapa kesalahan matrimoni dan kesalahan yang boleh dihukum takzir (Abdul Monir Yaacob, 2009).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kuasa melibatkan undang-undang Islam diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan melalui perkara 3 iaitu Islam dinobatkan sebagai agama persekutuan. Namun perkara 3 ini tidak banyak memberi kefahaman secara khusus mengenai peruntukan yang melibatkan kesalahan jenayah Syariah. Namun begitu terdapat satu peruntukan di bawah butiran 1 (senarai Negeri) Jadual Kesembilan, senarai negeri yang menyentuh lebih mendalam mengenai perundangan Islam.

Berdasarkan peruntukan ini, beberapa enakmen yang telah sedia ada pada zaman pemerintahan British diterima, namun enakmen-enakmen tersebut lebih menekankan aspek pentadbiran dan organisasi daripada aspek undang-undang. Peruntukan yang diberi itu telah memberikan kuasa kepada pentadbiran negeri-negeri untuk menggubal undang-undang negeri masing-masing dalam bentuk yang baharu seperti munculnya undang-undang jenayah Islam di Melaka dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1959. Begitu juga di Negeri Sembilan pada tahun 1960 dan di Johor pada tahun 1978 melalui Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam 1978, Johor. Namun begitu hukuman yang dikenakan dalam enakmen tersebut hanya hukuman penjara yang tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM1,000.00 atau gabungan kedua-duanya, Hamid Jusoh, Nasimah Hussin (2007).

Pada era awal 80-an kebanyakan negeri di Malaysia telah memulakan pindaan undang-undang selepas daripada Malaysia mencapai kemerdekaan antranya Negeri Pahang telah meminda undang-undangnya kepada Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, Terengganu telah mengkanunkan enakmen baharu iaitu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Sarawak Undang-undang Mahkamah Syariah Sarawak 1985, Negeri Selangor Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1989, Negeri Kelantan dengan Kanun Jenayah Syariah 1985 (Enakmen No. 2, 1985).

Peruntukan yang terdapat dalam enakmen tersebut ialah berkenaan dengan kesalahan jenayah Syariah seperti perbuatan tidak sopan, perkataan tidak sopan, pondan, menghasut perempuan bersuami atau lelaki beristeri supaya bercerai, khalwat, berkelakuan sumbang, zina, muqaddimah zina, bersyubhah, liwat, musahaqah, hamil luar nikah dan lain-lain lagi. Kemunculan enakmen-enakmen baru jenayah Syariah ini turut

membawa perubahan terhadap jumlah hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan oleh hakim-hakim kepada pesalah Syariah ini iaitu sebagai contoh apabila seseorang itu disabitkan dengan kesalahan zina, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.00 atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan disebut enam kali sebatan, Hamid Jusoh, Nasimah Hussin (2007).

Pada dekad 1990-an ianya merupakan satu era yang agresif di mana banyak negeri-negeri di Malaysia yang melakukan proses penggubalan undang-undang jenayah Islam kerana menerima pendekatan yang digunakan oleh Negeri Kelantan dan Kedah. Negeri pertama yang memulakan proses ini ialah Negeri Melaka dengan penggubalan Enakmen Kesalahan-Kesalahan Syariah 1991, Negeri Perlis melalui Enakmen Jenayah dalam Syarak 1991, Perak melalui Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, Negeri Sembilan melalui Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, Selangor melalui Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Sabah melalui Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah, 1995, Pulau Pinang melalui Enakmen Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur & Labuan) 1997, Negeri Johor melalui Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997, Terengganu melalui Enakmen Kesalahan Jenayah (Takzir) (Terengganu) 2001, dan akhir sekali Negeri Sarawak melalui Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001.

Di Negeri Johor melalui peruntukan dalam enakmen kesalahan jenayah Syariah 1997 ini sahaja yang terdapat hukuman sebat terhadap pesalah yang melakukan kesalahan jenayah Syariah iaitu apabila disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebut tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

#### **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKENAAN HUKUMAN SEBAT DI NEGERI JOHOR**

Secara umumnya terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang perlu dipatuhi berkaitan hukuman sebat dan pelaksanaan sebat dalam perundangan Islam di Negeri Johor. Antara peruntukan yang digunapakai di Mahkamah ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003. Ketiga-tiga peruntukan undang-undang ini mempunyai hubungkait antara satu sama lain kerana setiap hukuman sebat yang dijatuhkan kepada pesalah adalah berkaitan dengan bidangkuasa dan peruntukan yang sedia ada di Negeri ini.

#### **Bidangkuasa Mahkamah Syariah Berkaitan Hukuman Sebat Dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965**

Menurut (Mohd Sabree Nasri, 2018) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau lebih dikenali sebagai Akta 355 adalah suatu Akta untuk memberi dan menyeragam bidang kuasa kepada Mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Negeri bagi maksud membicarakan kesalahan di bawah hukum Syarak. Akta ini bertujuan untuk menyelaraskan bidang kuasa berkaitan hukuman jenayah syariah kepada mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang negeri dalam hal berkaitan undang-undang Islam. Akta ini hanya mengandungi tiga seksyen sahaja seperti berikut:

<b>Seksyen</b>	<b>Keterangan</b>
1	Menyatakan tajuk ringkas Akta ini dan menyatakan bahawa pemakaian Akta ini adalah terpakai di seluruh Malaysia.
2	Menyatakan seperti berikut: "Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah manamana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan

	Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis: Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut."
3	Menyatakan seperti berikut: "Segala kesalahan di bawah hukum Syarak yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini berhubungan dengan Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia dan yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989 berhubungan dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak telah dibicarakan oleh mana-mana Mahkamah yang disebut terdahulu hendaklah disifatkan telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa yang berkenaan dengannya telah diberi kepada Mahkamah-Mahkamah tersebut oleh undang-undang Persekutuan."

Jadual 2: Bidangkuasa Mahkamah Syariah Berkaitan Hukuman Sebat Dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965

Semua negeri-negeri di Malaysia termasuk Negeri Johor yang melaksanakan hukuman sebat ke atas pesalah adalah tertakluk kepada seperti mana yang terkandung dalam Akta 355 ini. Dalam Akta 355 ini seperti mana dalam Seksyen 2 menyatakan bahawa Mahkamah Syariah berbidangkuasa memberikan hukuman kepada pesalah atas kesalahan-kesalahan tertentu iaitu Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Dalam peruntukan tersebut jelas menunjukkan bahawa Mahkamah syariah berbidangkuasa untuk menjatuhkan hukuman sebat kepada pesalah iaitu tidak kurang daripada enam sebatan. Demi memartabatkan kedudukan Mahkamah Syariah sebagai badan perundangan yang professional dalam melaksanakan segala aspek permasalahan, kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah ini perlu dipraktikkan agar ianya tidak hanya menjadi peruntukan undang-undang semata-mata.

### **Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah Yang Boleh Dikenakan Hukuman Sebat Di Bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997**

Seterusnya di Negeri Johor badan yang berautoriti dalam melaksanakan undang-undang jenayah syariah ini ialah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor dan Jabatan ini terikat dengan beberapa peruntukan undang-undang dalam melaksanakan hukuman sebat iaitu seperti mana yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah syariah 1997 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003. Setiap kes jenayah yang dibicarakan di Mahkamah syariah mestilah mengikut peruntukan yang telah termaktub dalam peruntukan.

Dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah terdapat bahagian yang khusus berkaitan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat iaitu di bahagian Bahagian II - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan 'Aqidah di bawah seksyen 4 (doktrin palsu) dan di bahagian IV yang khusus berkaitan dengan tujuh kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat iaitu kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan di bawah seksyen 20 (perbuatan sumbang mahram), seksyen 21 (pelacuran), seksyen 22 (muncikari), seksyen 23 (persetubuhan luar nikah), 25 (liwat), dan seksyen 26 (musahaqah).

#### **1. Perbuatan Sumbang Mahram (Seksyen 20) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997**

Istilah sumbang mahram merujuk kepada perbuatan mahram lelaki seperti datuk, baba, bapa tiri, abang dan sebagainya yang melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan yang haram untuk berkahwin dengannya mengikut hukum syarak, Siti Zubaidah (2017). Dalam kamus DBP (2014) istilah sumbang mahram juga boleh diertikan sebagai perlakuan zina yg berlaku antara dua orang anggota terdekat dalam sesebuah keluarga, misalnya antara abang dengan adik perempuan atau ayah dgn anak perempuannya.

Seterusnya dalam MyHealth Portal (2020) menyatakan bahawa sumbang mahram adalah hubungan jenis antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan dan perkahwinan antara mereka adalah tidak sah di sisi undang-undang atau dilarang oleh adat resam contohnya suatu hubungan jenis antara remaja dengan ibubapa mereka, adik beradik, ibubapa saudara, datuk dan sebagainya.

Aktiviti ini adalah bahaya kerana ianya merupakan sejenis penganiayaan seksual yang merosakkan kesihatan fizikal, mental dan sosial dikalangan masyarakat. Mengikut tafsiran di bawah seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 menyebut "sumbang mahram" ertinya persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang dilarang mengahwini satu sama lain di bawah Hukum Syarak. Perbuatan sumbang mahram ini jelas bertentangan dengan hukum syarak' sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa' ayat 23 yang berbunyi:

﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمْ  
اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضَاعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبَائِكُمُ اللَّاتِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَائِكُمُ اللَّاتِي  
دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ  
الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا﴾

Yang bermaksud: "Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara sebelah bapamu yang perempuan; saudara-saudara sebelah ibumu yang perempuan, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang lelaki, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan, ibu-ibumu yang menyusui kamu, saudara perempuan seibu susuan, ibu-ibu isterimu (ibu mertua), anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu setubuhi, tetapi jika kamu belum menyetubuhi dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengawininya semula (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu), dan menghimpunkan (dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang" (al-Quran. Al-Nisa': 23).

Dalam Negeri Johor Mahkamah berbidangkuasa dalam memberikan hukuman kepada pesalah apabila telah disabitkan kesalahan ialah boleh didenda tidak melebihi (RM5,000) lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Peruntukan ini juga terdapat di negeri-negeri lain seperti di Wilayah persekutuan, seksyen 20 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, Selangor, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak.

## 2. Pelacuran (Seksyen 21) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997

Menurut Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973 (Akta 106) seksyen 2 mentafsirkan pelacuran adalah suatu perbuatan seseorang perempuan menawarkan tubuhnya untuk perhubungan jenis secara sembarangan kerana sewa samada berupa wang atau barang dan pelacur hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya. Pelacuran juga adalah suatu perbuatan yang boleh dikatakan sebagai menjual diri untuk mendapat pulangan wang

atau barang yang berharga bagi keperluan dirinya, Siti Zubaidah (2017). Perkataan pelacur ini juga diambil dari kata dasarnya iaitu "lacur" yang membawa maksud buruk laku, sundal (perempuan) melacur melakukan persetubuhan secara haram dengan tujuan mencari wang, manakala pelacur ialah perempuan jalang, dan pelacuran pula membawa maksud perihal (perbuatan) melacurkan diri atau menjual diri, (Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat).

Perbuatan ini kebiasaannya berlaku di pusat-pusat hiburan, rumah-rumah urut, kelab malam, hotel-hotel budget dan mana-mana tempat yang difikir sesuai oleh mereka sama ada mempunyai kebenaran operasi mahupun tidak daripada pihak berkuasa tempatan. Dalam negara ini, Polis Diraja Malaysia di bawah bahagian Pasukan Tindakan Khas Anti maksiat, Judi dan Gangsterism adalah merupakan daripada tugas-tugas mereka.

Segala aktiviti yang menawarkan khidmat pelacuran yang dijalankan dalam negara ini seperti di pusat-pusat hiburan yang mempunyai lesen juga boleh dikenakan tindakan sekiranya menawarkan perkhidmatan pelacuran kerana ianya menyalahi undang-undang atas kesalahan mengurus rumah persundalan seperti mana yang termaktub di bawah seksyen 373(1) Kanun Keseksaan. Dalam Islam Allah SWT melarang keras perbuatan ini seperti mana dalam Al-Nisa' ayat 24 firmanNya yang berbunyi:

﴿وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ۗ وَأُحِلَّ لَكُمْ مَا وَرَاءَ ذَلِكَ أَنْ تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِحِينَ ۗ فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً ۗ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَاضَيْتُمْ بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

*Maksudnya: "Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. (Haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu, dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari (isteri). Dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maskahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah), dan tiadalah kamu berdosa mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu (suami isteri), sesudah ditetapkan maskahwin itu (tentang cara dan kadar pembayarannya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana" (al-Quran. Al-Nisa': 24).*

Peruntukan berkaitan kesalahan pelacuran ini wujud dalam Negeri Johor yang mana kesalahan tersebut boleh dikenakan kepada mana-mana perempuan yang menjalankan kegiatan pelacuran atau mana-mana suami yang melacurkan anak atau isteri atau mana-mana kanak-kanak di bawah jagaanya. Di negeri ini terdapat dua kesalahan diwujudkan iaitu melacurkan diri sendiri dan suami yang melacurkan isteri atau anaknya seperti mana yang terdapat dalam seksyen 21 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997:

- i. Mana-mana orang perempuan yang melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- ii. Mana-mana orang yang:
  - (a) melacurkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya; atau
  - (b) menyebabkan atau membenarkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya melacurkan diri; adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Kebanyakan negeri-negeri di Malaysia sudah mempunyai peruntukan bagi kesalahan jenayah ini seperti di Wilayah Persekutuan di bawah Seksyen 21 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 memeperuntukkan perkara yang sama seperti mana yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah 1997, begitu juga di negeri Selangor, Pulau Pinang, Terengganu, Negeri Sembilan, Perlis, Perak dan Sarawak (Siti Zubaidah, 2017). Jelas disini bahawa skop kesalahan pelacuran dalam enakmen kesalahan negeri adalah menyeluruh dan merangkumi perbuatan-perbuatan melacurkan diri sendiri, melacurkan isteri, melacurkan kanak-kanak perempuan dalam jagaanya, membenarkan atau menyebabkan isteri melacurkan diri, atau membenarkan atau menyebabkan kanak-kanak di bawah jagaan melacurkan diri (Siti Zubaidah, 2017).

Jelas bahawa apa-apa juga aktiviti dan perbuatan yang melibatkan pelacuran yang telah dilakukan oleh mana-mana orang dalam Negeri ini, mereka boleh dikenakan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Berdasarkan penelitian terhadap hukuman yang boleh dikenakan keatas pesalah, hukuman enam sebatan yang di jelaskan dalam enakmen ini boleh dikenakan terhadap pesalah apabila iainya disabitkan atas kesalahan berikut dan hukuman ini memang perlu diberikan keada pesalah agar menjadi iktibar kepada orang-orang lain.

### **3. Muncikari (Seksyen 22) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997**

Menurut seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 istilah muncikari atau *munsyikari* ditafsirkan sebagai perbuatan seseorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa maksud yang menyalahi hukum syarak. Panggilan yang sering dilontarkan daripada orang ramai kepada mereka yang melakukan aktiviti ialah sebagai “*broker*” atau orang tengah, atau panggilan lain yang lebih kasar seperti “bapa/ibu ayam” yang bermaksud menjual dan menjaja atau memberi perkhidmatan hubungan seks secara tidak sah atau apa jua aktiviti dan kegiatan yang tidak bermoral.

Kegiatan ini berlaku kerana “*broker*” dan “bapa/ibu ayam” ini akan mendapat keuntungan yang lumayan berdasarkan pelanggan-pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan yang tidak bermoral itu. Kegiatan ini bukan sahaja salah disisi hukum syarak malah ianya terdapat dalam perundangan Islam Negeri Johor dan juga sebagai suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Peruntukan berkenaan kesalahan ini terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 yang memperuntukkan seperti berikut:

Mana-mana orang yang bertindak sebagai muncikari adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Melihat kepada peruntukan yang terdapat dalam enakmen tersebut, jelas menunjukkan bahawa hukuman sebat boleh dikenakan keatas mereka yang melakukan kesalahan seperti menjadi “*broker*” atau “bapa/ibu ayam” bagi menjalankan aktiviti yang tidak bermoral yang membabitkan persundalan, pelacuran dan sebagainya yang memberi keuntungan dalam bentuk kewangan atau apa-apa sahaja. Hukuman yang boleh dikenakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan tersebut ialah didenda tidak melebihi RM5,000 atau boleh dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun ataupun disebat tidak melebihi enam sebatan ataupun boleh juga dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

### **4. Persetubuhan Luar Nikah (Seksyen 23), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997**

Persetubuhan luar nikah adalah makna daripada asal perkataannya daripada bahasa arab iaitu zina. Zina juga boleh diertikan sebagai suatu perisetubuhan yg tidak sah atau haram

(bukan antara suami isteri), mukah, jangan kamu melakukan ~; berzina melakukan zina, berbuat zina, bermukah; perzinaan perihal atau perbuatan berzina; penzina orang yg berzina (Kamus Dewan Edisi Keempat). Perbuatan ini jelas haram sepertimana dalam firman Allah SWT yang berbunyi dalam surah al-Nur ayat 2:

﴿الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْشَهَّدَ عَلَيْكُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ﴾

Yang bermaksud: "Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman" (al-Quran. Al-Nur: 2).

Peruntukan bagi kesalahan ini adalah seperti berikut:

- (1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya adalah keterangan prima facie tentang kelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.
- (4) Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan qamariah dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.

#### **5. Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melakukan Persetubuhan Luar Nikah (Seksyen 24) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997**

Peruntukan berkenaan kesalahan ini iaitu disebut dalam enakmen "Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

#### **6. Doktrin Palsu (Seksyen 4), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997**

- (1) Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Negeri Johor, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

### 7. *Musahaqah* (Seksyen 26), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997

Mengikut tafsiran di bawah Seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997, istilah *musahaqah* (lesbian) membawa maksud perhubungan jenis sesama perempuan. Menurut Irsyad Fatwa Siri (266) *musahaqah* (lesbian) bermaksud perlakuan seks seorang wanita terhadap wanita yang lain sama seperti yang dilakukan oleh lelaki ketika bersetubuh dengan wanita. Perbezaan antara *musahaqah* (lesbian) dan zina ialah dalam perlakuan *musahaqah* (lesbian) ini tidak berlaku kemasukan zakar ke dalam faraj wanita namun, dimasukkan benda-denda lain ke dalam faraj tersebut untuk merasai seolah-olah hubungan kelamin itu terjadi.

*Musahaqah* (lesbian) ini juga boleh diertikan sebagai seorang perempuan yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, atau lebih dikenali sebagai perempuan homoseksual (Kamus Dewan Edisi Keempat). Lesbian atau lesbianisme ialah sejenis perhubungan di mana wanita tertarik kepada wanita yang lain. Di Barat, lesbianisme mula menjadi budaya popular yang mempengaruhi aliran feminisme yang mempersoalkan peranan tradisional kaum lelaki, lesbianisme juga dirujuk sebagai wanita homoseksual (Portal MyHealth).

Perbuatan ini adalah bertentangan dengan hukum syarak seperti mana dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Mukminun ayat 5-7 yang berbunyi:

﴿وَالَّذِينَ هُمْ لِأُزْوَاجِهِمْ حَافِظُونَ. إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ. فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ﴾

*Maksudnya: "Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak yang mereka miliki; maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Barang siapa mencari yang di balik itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas" (al-Quran. al-Mukminun: 5-7).*

Mereka yang melakukan maksiat ini boleh didakwa di Mahkamah Syariah seperti mana yang terdapat dalam peruntukkan di bawah seksyen 26 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 yang memperuntukkan seperti berikut:

*"Mana-mana orang perempuan yang melakukan musahaqah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu".*

### Metod Atau Cara Pelaksanaan Hukuman Sebat Menurut Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003

Peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (1997) adalah berkenaan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat namun dalam Negeri Johor terdapat dua lagi seksyen iaitu dalam Enakmen 19 Tahun 2003 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 (Bahagian V), Prosiding Dalam Pendakwaan Bab 8, Darihal Hukuman Dan Pelaksanaannya menyatakan berkenaan cara pelaksanaan hukuman tersebut secara terperinci yang menyebut seperti dalam Seksyen 125 dan Seksyen 126 yang mana kedua-dua seksyen ini memberikan perincian berkenaan pelaksanaan hukuman sebat kepada pesalah agar iainya tidak menyalahi undang-undang dan tidak menjadi kekeliruan kepada kalangan masyarakat.

Seksyen 125 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 memperuntukkan seperti berikut:

- (1) Peruntukan seksyen ini dan seksyen 126 hendaklah terpakai apabila tertuduh dihukum sebat.
- (2) Alat sebatan, tidak termasuk pemegangnya, hendaklah daripada jenis yang sama dan dibuat sama ada daripada rotan atau ranting kecil pokok yang tiada ruas atau buku dan panjangnya tidak melebihi 1.22meter dan tebalnya tidak melebihi 1.25 sentimeter.

(3) Peruntukan yang berikut hendaklah diikuti apabila melaksanakan hukuman sebat, iaitu:

- (a) sebelum hukuman itu dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman itu;
- (b) jika pesalah itu sedang hamil, pelaksanaan itu hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua bulan selepas dia melahirkan anak atau keguguran, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu;
- (d) orang yang dilantik untuk melaksanakan hukuman itu hendaklah seorang yang adil dan matang;
- (e) orang itu hendaklah menggunakan alat sebatan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit pesalah;
- (f) selepas mengenakan satu sebatan, dia hendaklah mengangkat alat sebatan itu ke atas dan tidak menariknya;
- (g) sebatan boleh dikenakan ke seluruh bahagian tubuh kecuali muka, kepala, perut, dada atau bahagian-bahagian sulit;
- (h) pesalah hendaklah memakai pakaian mengikut Hukum Syarak;
- (i) jika pesalah itu lelaki, sebatan hendaklah dikenakan dalam keadaan dia berdiri, dan jika pesalah itu perempuan, dalam keadaan dia duduk;
- (j) jika semasa pelaksanaan hukum sebat itu Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan itu memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani baki hukuman itu.

(4) Dalam hal pesalah itu dihukum sebat sahaja, maka dia hendaklah diperlakukan seolah-olah dia dihukum dengan hukuman pemenjaraan sehingga hukuman itu dilaksanakan.

(5) Jika Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu, oleh sebab umur tua, keuzuran atau apa-apa sebab lain tidak dapat menjalani hukuman sebat pada keseluruhannya atau sebahagiannya, maka kes itu hendaklah dirujuk kepada Mahkamah yang boleh memerintahkan hukuman itu dilaksanakan mengikut cara yang difikirkannya munasabah.

Peruntukan di bawah seksyen 125 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 dibaca bersama dengan seksyen 126 iaitu (masa melaksanakan hukuman sebat) menyebutkan seperti berikut:

- (1) Apabila tertuduh dihukum sebat sebagai tambahan kepada hukuman pemenjaraan, hukuman sebat itu tidaklah boleh dikenakan jika suatu rayuan dibuat dan sehingga hukuman itu disahkan oleh Mahkamah rayuan yang berkenaan.
- (2) Sebatan itu hendaklah dikenakan dengan seberapa segera yang praktik dan dalam hal suatu rayuan, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan perintah Mahkamah Rayuan yang berkenaan yang mengesahkan hukuman itu.

Kedua-dua peruntukan yang menghuraikan berkenaan cara dan kaedah pelaksanaan hukuman sebat hendaklah dipatuhi apabila pesalah itu dikenakan hukuman sebat di Mahkamah Syariah Negeri Johor.

Dalam perundangan Islam di Negeri Johor, kaedah dan cara pelaksanaan hukuman sebat itu dilaksanakan adalah seperti mana yang terdapat dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 iaitu dibawah seksyen 125 dan dibaca bersama seksyen 126 dalam enakmen yang sama. Seseorang pesalah apabila dijatuhkan hukuman sebat oleh Mahkamah Syariah, maka pesalah tersebut akan terikat dengan beberapa peruntukan dan peraturan bagi maksud untuk menjalani hukuman tersebut dalam penjara

kerana di Negeri Johor tiada tempat yang khusus disediakan oleh kerajaan negeri untuk pesalah-pesalah syariah untuk menjalani hukuman. Peraturan yang perlu diikuti oleh pesalah ini ialah seperti mana yang terdapat dalam Akta 1995 [P.U. (A) 325/2000] Peraturan-Peraturan Penjara 2000 di bawah peraturan 131 (hukuman sebat) yang menyatakan seperti berikut:

- (1) Apabila mana-mana hukuman sebat dijatuhkan ke atas seseorang banduan di bawah Peraturan-Peraturan ini, dia tidak boleh dikenakan lebih daripada satu hukuman berkenaan dengan perbuatan atau perbuatan-perbuatan, atau peninggalan atau peninggalan-peninggalan yang kerananya dia dihukum.
- (2) Sesuatu hukuman sebat tidak boleh dikenakan kepada banduan perempuan atau banduan lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun.
- (3) Sesuatu hukuman sebat yang lebih daripada sepuluh kali sebat dengan rotan ringan tidak boleh dijatuhkan atau dikenakan ke atas seseorang banduan muda dan bilangan maksimum sebatan yang boleh diawardkan kepada banduan muda oleh Pegawai yang Menjaga ialah enam.
- (4) Hukuman sebat dengan rotan hendaklah dikenakan pada punggung pesalah itu.
- (5) Bagi maksud hukuman di bawah peraturan ini, rotan yang digunakan:
  - (a) dalam hal seseorang dewasa, tidak boleh lebih daripada 1.25 sentimeter garis pusatnya; dan
  - (b) dalam hal banduan yang muda, ialah rotan yang ringan.

Jika diteliti satu persatu peruntukan berkenaan peruntukan sebat yang terdapat dalam seksyen 125 dan 126 ini ianya sama sekali bertentangan dengan peraturan di bawah Akta Penjara 1995 P.U. (A) 325/2000 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 kerana apabila pesalah itu dikenakan hukuman sebat secara tidak langsung akan tertakluk dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penjara.

Ini akan menimbulkan konflik dan ketidakjelasan ketika hukuman itu hendak dilaksanakan kerana tiada keseragaman peruntukkan berkenaan pelaksanaan hukuman sebat syarie ini kerana tiada apa-apa peraturan khas berkaitan pesalah jenayah syariah dalam peraturan-peraturan penjara 2000 ini. Menurut Sharifuddin Abdul Rahman (2020) peruntukan yang sedia ada dalam enakmen kesalahan jenayah syariah 1997 dan Tatacara jenayah syariah ini tidak jelas dan tidak selaras dengan apa yang ada dalam peraturan-peraturan penjara 2000.

Akta Penjara 1995 P.U. (A) 325/2000 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 memperuntukkan seperti berikut:

### **Peraturan 131 Hukuman Sebat**

- (1) Apabila mana-mana hukuman sebat dijatuhkan ke atas seseorang banduan di bawah Peraturan-Peraturan ini, dia tidak boleh dikenakan lebih daripada satu hukuman berkenaan dengan perbuatan atau perbuatan-perbuatan, atau peninggalan atau peninggalan-peninggalan yang kerananya dia dihukum.
- (2) Sesuatu hukuman sebat tidak boleh dikenakan kepada banduan perempuan atau banduan lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun.
- (3) Sesuatu hukuman sebat yang lebih daripada sepuluh kali sebat dengan rotan ringan tidak boleh dijatuhkan atau dikenakan ke atas seseorang banduan muda dan bilangan maksimum sebatan yang boleh diawardkan kepada banduan muda oleh Pegawai yang Menjaga ialah enam.
- (4) Hukuman sebat dengan rotan hendaklah dikenakan pada punggung pesalah itu.
- (5) Bagi maksud hukuman di bawah peraturan ini, rotan yang digunakan:
  - (a) dalam hal seseorang dewasa, tidak boleh lebih daripada 1.25 sentimeter garis pusatnya; dan
  - (b) dalam hal banduan yang muda, ialah rotan yang ringan

### **Peraturan 132 Menjalankan Hukuman**

(1) Apa-apa hukuman yang sah di sisi undang-undang yang dikenakan ke atas mana-mana banduan boleh dijalankan dalam mana-mana penjara atau sebahagiannya dalam suatu penjara dan sebahagian lagi dalam suatu penjara yang lain.

(2) Hukuman sebat tidak boleh dikenakan dengan beransur-ansur.

### **Peraturan 133 Kedah-Kaedah Bagi Mengenakan Hukuman Sebat**

(1) Pada masa menjalankan tiap-tiap hukuman Pegawai yang Menjaga dan Pegawai Perubatan hendaklah hadir dan Pegawai Perubatan hendaklah memberikan arahan-arahan yang difikirkannya perlu bagi mencegah kemudaratan kepada kesihatan dan Pegawai yang Menjaga atau mana-mana pegawai lain yang dilantik bagi maksud itu hendaklah menjalankan arahan-arahan sedemikian itu. (2) Hukuman sebat tidak boleh, kecuali dengan perintah khas dalam hal kecemasan, dikenakan dalam masa dua puluh empat jam dari hukuman itu diawardkan.

### **Peraturan 134 Peremitan Hukuman Sebat**

Pada bila-bila masa setelah hukuman sebat dikenakan Pegawai Perubatan, jika difikirkannya perlu bagi mencegah kemudaratan kepada kesihatan banduan itu, boleh mengesyorkan supaya tiada apa-apa hukuman boleh dikenakan lagi, dan dengan yang demikian Pegawai yang Menjaga hendaklah meremitkan hukuman yang selebihnya itu.

### **Peraturan 135 Rekod Hukuman Sebat**

Pegawai yang Menjaga hendaklah mencatatkan ke dalam buku hukuman sebat masa hukuman itu dikenakan, bilangan sebat yang dikenakan dan apa-apa perintah yang diberikan oleh Pegawai Perubatan mengenai remitan.

### **Peraturan 136 Penyata Hukuman Sebat**

Suatu penyata bagi semua hukuman sebat yang dikenakan dengan perintah seseorang Pegawai yang Menjaga hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah pada tiap-tiap bulan.

### **CADANGAN BAGI MEMPERKASAKAN HUKUMAN SEBAT**

Hukuman sebat ini perlu diperkasakan dari sudut peruntukan dan pemakaiannya dalam perundangan Islam di Negeri ini agar peruntukan yang wujud ini tidak hanya tinggal peruntukan sahaja. Antaranya ialah pihak berkuasa negeri perlu mewujudkan satu unit khas berkaitan hukuman sebat syarie ini di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor atau mana-mana jabatan yang bersesuaian yang boleh menguruskan berkenaan prosuder perjalanan hukuman apabila pesalah disabitkan hukuman sebat seperti menyediakan pegawai khas, infrastruktur dan prasarana yang sesuai serta dokter dan pembantu dokter khas bagi mengendalikan prosuder ini.

Selain itu juga seorang pegawai khas yang mengenladi hukuman sebat syarie ini perlu diwujudkan agar ianya tidak bercampur tugas dengan pegawai yang menjalankan hukuman sebat bagi pesalah sivil. Bagi memperkasakan lagi hukuman sebat syarie ini pihak berkuasa dan jabatan yang berwajib perlu membuat satu jalinan kerjasama dengan jabatan penjara bagi membincangkan apa sebenarnya jalan yang terbaik bagi melaksanakan hukuman sebat syarie ini agar ianya berjalan lancar tanpa sebarang isu dan kecacatan serta konflik dalam melaksanakan hukuman ini, Sharifuddin Abdul Rahman (2020).

Seperti dalam satu kes *Timbalan Pendakwa Syarie Pahang Lwn. Kartika Sari Dewi binti Shukarno* yang mana beliau didapati bersalah dibawah seksyen 136 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (pindaan) 1987 yang memperuntukkan (minuman yang memabukkan) iaitu sesiapa jua orang Islam dalam mana-mana kedai atau tempat awam, menjual, membeli atau meminum arak adalah

melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima belas hari.

Beliau telah disabitkan bersalah kerana minum minuman yang memabukkan dan dikenakan dengan hukuman sebat oleh Mahkamah, namun hukuman sebat ini tidak dapat dilaksanakan kerana terlalu banyak konflik dan komen negatif yang dipaparkan oleh media antaranya persoalan bagaimana untuk melaksanakan hukuman sebat tanpa pemenjaraan, bolehkah wanita dihukum sebat, apakah sebat syariah serupa dengan sebatan sivil dan lain-lain lagi. Kes ini terlalu banyak konflik sehinggakan hukuman sebat yang dikenakan keatas *Kartika Sari Dewi binti Shukarno* ditukar kepada khidmat masyarakat selama tiga minggu di Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah Di Kuantan Pahang.

## **PENUTUP**

Peruntukan hukuman sebat syariah di negeri Johor jelas terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 serta cara dan kaedah perlaksanaan juga terdapat dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2003. Namun begitu jika ianya tidak dilaksanakan maka ia hanya tinggal peruntukan sahaja. Hal ini disebabkan kerana terlalu banyak konflik dan ketidakjelasan untuk melaksanakan hukuman ini apabila ianya telah disabitkan kepada pesalah.

Pemeriksaan hukuman ini perlu diperkemas dan dikaji semula agar ianya dapat dilaksanakan melalui luns undang-undang dan apa yang telah digariskan oleh syarak agar semua lapisan masyarakat khususnya pihak media tidak memandang negatif dan timbul persoalan apabila hukuman sebat ini dilaksanakan.

Hal ini kerana apabila hukuman sebat ini dapat dilaksanakan oleh Mahkamah syariah dengan sempurna ianya secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pesalah agar tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan kerana hukuman ini akan ditanggung oleh dirinya sendiri tanpa mewakilkan kepada sesiapa seperti mana hukuman denda berbentuk wang yang boleh diwakilkan oleh saudara rapat atau kenalan rapat untuk membantu dan membebaskannya.

Hukuman ini juga akan memberi pengajaran dan hikmah kepada semua lapisan masyarakat agar tidak melakukan kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka yang telah dihukum sebat dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan kadar bilangan maksiat yang berlaku di Negeri ini.

## **RUJUKAN**

- Abd Jalil Borhan. 2002. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Edisi Pertama.
- Abd Jalil Borhan. 2002. *Majalah Ahkam Johor, Latar Belakang, Pelaksanaan Dan Komentari*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Edisi Pertama.
- Abu Dawud Sulayman Ibn Al-'Ash Al-Sijistaniyy. 2000. *Sunan Abi Dawud Kitab Al-Solat*. Bab Fi Al-Had Yushfa Fih. Maktabah Al-Ma'arif Li Al-Nashr Wa Al-Tawzi'.
- Fakhrudin Qobawah. 2003. *Tafsir Al-Jalalayn Al-Muyassar Li Al-Imamayn*. Jalaluddin Al-Mahalliy (791-894) & Jalaluddin As-Suyuthi (849-913). Bayrut: Maktabah Lubnan Nashirun, Cetakan Pertama, Juz 18, 350.
- Hamid Jusoh, Nasimah Hussin. 2007. *Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia*. Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia, Undang-Undang Di Malaysia Jenayah, Keterangan Dan Prosuder. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Jilid 13, Bab 2, 27-70.
- Siti Zubaidah. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 97-144.
- Al-Tabaraniyy. t.th. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Bab 'Aliyy Bin 'Abdullah Bin 'Abbas 'An Abihi. Al-Qahirah: Maktabah Ibn Taymiyyah, Jilid 10.

- Zanariah Dinon. 2004. *Perkembangan Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Tesis).
- Zaini Nasohah. 2004. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia (Sebelum Dan Mejelang Merdeka)*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

### **Jurnal**

- Abdul Monir Yaacob. 2009. *Perlaksanaan Perundangan Islam Di Malaysia: Satu Penilaian*. Kuala Lumpur: Jurnal Fiqh, Department Fiqh And Usul, Academy Islamic Studies University Malaya, No.6, 1-20.
- Abd Jalil Borhan. 2014. *Ahkam Syar'iyah Johor: Model Kod Undang-Undang Dalam Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam Di Negeri Johor*". Johor: Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Kekeluargaan Dari Perspektif Global (ICFI2014) anjuran Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) & Kerajaan Johor, 13 Februari 2014.
- Siti Zubaidah Ismail. 2004. *Pengalaman Negeri Kelantan Dalam Melaksanakan Hukuman Sebat Rotan Terhadap Kesalahan Jenayah Syariah*. Jurnal Syariah 12:1,101-110.
- Mohd Sabree Nasri. 2018. *Akta 355 Dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah Di Malaysia*. Journal of Law & Governance, Vol. 1(1), 77-90.
- Mohamed Azam Mohamed Ali. 2000. *Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana?* Jurnal Syariah, 8(2), 103-122.
- Rusnadewi Abdul Rashid. 1997. *Memartabatkan Undang-Undang Islam Dan Mahkamah Syariah Dalam Undang-Undang Tanah Di Malaysia*". Land Law from Islamic and Traditional Perspective. Pulau Pinang: Kertas Kerja National Conference on Land - Emerging Issues and Challenges. Anjuran Consumer Association of Penang (CAP).

### **Internet**

- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). 2017. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sebat> (diakses pada 13 Disember 2020).
- Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-266: Musahaqah (Lesbian) Dan Hukum Berkaitan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2729-irsyad-al-fatwa-siri-ke-266-musahaqah-lesbian-dan-hukum-berkaitan> (diakses pada 10 Ogos 2020).
- Mohd Jamil Bin Yaacob [MyHEALTH] Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. Lesbian atau Wanita Homoseksual. <http://www.myhealth.gov.my/en/lesbian-atau-wanita-homoseksual/> (diakses pada 1 Ogos 2021).
- Hargeet Kaur Basant Singh [MyHEALTH] Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. Sumbang Mahram. <http://www.myhealth.gov.my/sumbang-mahram/> (diakses pada 1 Ogos 2020).

### **Statut**

- Akta Penjara 1995 P.U. (A) 325/2000 Peraturan-Peraturan Penjara 2000
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355)
- Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973 (Akta 106)
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor)
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (pindaan) 1987
- Perlembagaan Persekutuan (Malaysia)

### **Temubual**

- Sharifuddin Bin Abdul Rahman. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, Johor. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. 30hb April 2020.
- Yang Arif Tuan Haji Shahrulnizam Bin Saat. Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, Johor. 8hb Mei 2020.

**Rujukan Kes**

Timbalan Pendakwa Syarie Pahang Lwn. Kartika Sari Dewi binti Shukarno.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*